

TARIKH : 3 JUN 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 41
SURAT

4 dasar Kementerian Ekonomi mesti diteruskan

Bisnes

Isnin, 2 Jun 2025
bhbiz@nstp.com.my

• Untuk lebih berita di www.bharian.com.my

4 dasar Kementerian Ekonomi mesti diteruskan

Elak perubahan kepimpinan pejabat kestabilan, reformasi negara

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Empat dasar utama di bawah Kementerian Ekonomi iaitu Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13), Dasar Gaji Progresif, Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) dan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) perlu diteruskan secara konsisten tanpa gangguan walaupun berlaku perubahan kepimpinan, bagi memastikan kesinambungan reformasi ekonomi negara.

Penganalisis ekonomi dan peserta industri menegaskan bahawa dasar berkenaan dibangunkan berdasarkan data, rundingan menyeluruh serta matlamat jangka panjang yang seharusnya tidak ditangguhkan atau dirombak setiap kali berlaku pertukaran menteri.

RMK-13 yang bakal dibentangkan Julai ini adalah pelan pembangunan nasional lima tahun yang memerlukan keperluan struktur ekonomi Malaysia yang

sedang berubah. Ia dirangka hasil libat urus pelbagai sektor termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS), orang awam dan pelabur.

Perunding Kanan Global Asia Consulting, Samirul Ariff Othman, berkata kesinambungan RMK-13 amat penting bagi menjaga kredibiliti perancangan jangka sederhana negara.

"RMK-13 bukan visi mana-mana individu. Ia adalah pelan negara yang dibangunkan melalui proses dasar yang menyeluruh. Jika kita sentiasa menukar pelan apabila bertukar menteri, maka pelabur dan rakyat akan hilang kepercayaan terhadap hala tuju ekonomi negara," katanya kepada BH.

Samirul berkata, dalam dunia pasaran terbuka, ketidakpastian dasar memberi kesan langsung terhadap keputusan pelaburan dan perancangan perniagaan.

Sementara itu, katanya dasar gaji progresif yang sedang dirintis juga dianggap sebagai langkah penting untuk memodenkan pasaran buruh Malaysia kerana ia menggalakkan kenaikan gaji selari dengan peningkatan produktiviti dan kemahiran.

"Malaysia tidak boleh lagi bergantung pada model upah rendah. Gaji Progresif antara dasar yang boleh meningkatkan martabat pekerja dan pada masa sama meningkatkan daya saing majikan. Tanpa dasar ini, Malaysia berisiko terus berada dalam perangkap pendapatan sederhana," katanya.

PADU perlu dikekalkan

Beliau menambah, PADU pula menjadi tunjang kepada keupayaan kerajaan menyalurkan bantuan secara bersasar, mengurangkan ketirisan dan memperbaiki kecekapan fiskal.

Katanya, sistem itu perlu dikekalkan dan dipertingkatkan agar setiap dasar bantuan kerajaan berpaksi data sebenar.

"PADU bukan sekadar pangkalan data, ia adalah asas kepada tadbir urus moden. Sekiranya sistem ini terganggu, semua dasar seperti subsidi bersasar dan bantuan tunai tidak lagi berkesan.

"Kita perlu elak politik mengganggu sistem yang memberi manfaat langsung kepada rakyat," tegasnya.

Dalam pada itu, beliau berkata IPR mendapat pujian sebagai strategi membasmikan kemiskinan secara mampan dengan memberi peluang pendapatan sendiri kepada golongan B40 dan M40 melalui keusahawanan, pertanian dan pemilikan ekonomi mikro.

"IPR bukan bantuan sementara. Ia membina ekosistem peningkatan pendapatan jangka panjang. Ini antara dasar terbaik untuk mobiliti sosial dalam landskap ekonomi semasa," katanya.

Untuk memastikan dasar sedia ada kekal konsisten merentasi penggal dan kepimpinan, Samirul menyarankan kerajaan memperkukuh institusi seperti Unit Perancang Ekonomi (EPU), mengubal dasar utama sebagai kerangka undang-undang, serta membabitkan sektor swasta dan akademik dalam pemantauan prestasi dasar.

"Sudah tiba masanya Malaysia membina tradisi dasar awam yang stabil dan tahan ujian politik. Hanya dengan itu kita boleh mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2030," katanya.

Penganalisis Ekonomi di Strat369 Consulting, Dr Mohamad Khair Afham Muhammad Senan, pula berkata perubahan menteri tidak seharusnya menjejaskan kesinambungan dasar yang melalui proses perancangan rapi dan membabitkan pelbagai pihak berkepentingan.

"RMK-13 bukan sekadar dokumen lima tahun, tetapi rangka transformasi ekonomi negara yang mengambil kira cabaran pasca-pandemik, peralihan global dan aspirasi Malaysia sebagai ekonomi maju.

"Dasar ini dibina berasaskan data, unjuran, dan penyertaan industri, bukan kehendak politik semasa. Menghentikannya separuh jalan hanya akan mengugat kepercayaan pasaran terhadap komitmen dasar negara," katanya.

RMK-13 bukan visi mana-mana individu. Ia adalah pelan negara yang dibangunkan melalui proses dasar yang menyeluruh. Jika kita sentiasa menukar pelan apabila bertukar menteri, maka pelabur dan rakyat akan hilang kepercayaan terhadap hala tuju ekonomi negara

Samirul Ariff Othman
Perunding Kanan Global Asia Consulting

